

**EKONOMI**

# Bijak belanja pada musim perayaan



Oleh **PROF. MADYA DR. MOHAMAD FAZLI SABRI**

SETIAP kali tiba musim perayaan, kita sangat sinonim dengan ungkapan seperti biar papa asalkan bergaya pada hari raya.

Ramai yang sanggup berbelanja lebih daripada kemampuan semata-mata untuk memenuhi tuntutan emosi dan nafsu.

Pengguna juga sering terperangkap dengan pelbagai taktik iklan jualan murah sempena musim perayaan misalnya tawaran harga istimewa musim perayaan, diskaun 60 peratus, beli satu percuma satu, diskaun 40 peratus untuk pembelian kedua dan tawaran hadiah sampingan.

Malah, ada yang menggunakan kesempatan itu untuk berlumba-lumba dengan jiran bagi mempamerkan koleksi terbaharu raya mereka.

Tidak menjadi masalah untuk membuat persiapan raya sekiranya mereka merancang dan mampu, selagi tidak melakukan pembaziran.

Apa yang membimbangkan adalah kumpulan pengguna yang menerima pakai konsep beli dulu, bayar kemudian sebagai tabiat berbelanja.

Mereka sanggup meminjam dan berhutang untuk pembelian yang kurang perlu hanya kerana istilah raya.

Kajian penulis berkaitan perbelanjaan pada musim perayaan mendapati bahawa secara umumnya, setiap kali tiba musim perayaan, perbelanjaan pengguna meningkat antara satu hingga tiga kali ganda berbanding bulan biasa (luar musim perayaan).

Ada yang sanggup meminjam wang semata-mata untuk menampung perbelanjaan raya.

Ini sesuatu yang membimbangkan. Justeru, pengguna perlu mempunyai perancangan kewangan bagi mengelak berhadapan dengan masalah kewangan.

Berikut merupakan beberapa tip dan panduan sebelum, semasa dan selepas musim perayaan yang boleh membantu



**ORANG** ramai perlu merancang perbelanjaan bagi mengelakkan berdepan masalah kewangan selepas hari raya. – Gambar hiasan

pengguna mengelak daripada berhadapan dengan masalah hutang raya.

Sebelum raya pastikan sediakan bajet mengikut kemampuan anda dan keluarga. Semak kembali bajet yang telah disediakan dengan membandingkan bajet raya tahun terdahulu.

Pakar kewangan mencadangkan penyediaan bajet individu atau keluarga dibuat dengan membahagikan pendapatan yang diterima kepada tiga bahagian.

## Ubah suai

Bahagian tersebut ada 70 peratus bagi perbelanjaan asas seperti makanan, pakaian, rumah, utiliti dan pengangkutan.

Lagi 20 peratus adalah simpanan persaraan, simpanan kecemasan dan simpanan untuk matlamat kewangan tertentu contohnya percutian keluarga, menunaikan ibadah umrah dan haji.

Selebihnya iaitu 10 peratus untuk pembayaran hutang seperti kad kredit dan pinjaman kenderaan.

Dalam situasi raya, sedikit ubah suai boleh dibuat pada bajet anda bagi mengelak berhadapan masalah hutang.

Bagaimanapun, ia bergantung kepada kemampuan dan keselesaan ekonomi anda. Misalnya, kurangkan sedikit peratus untuk perbelanjaan asas (60 peratus) dan kekalkan peratus simpanan (10 peratus).

Tingkatkan peratusan untuk bayaran hutang (30 peratus) atau kekalkan peratus perbelanjaan asas (70 peratus),

kurangkan simpanan (5 peratus) dan tingkatkan bayaran hutang (25 peratus) atau kurangkan perbelanjaan asas (65 peratus), kekalkan simpanan (10 peratus) dan tingkatkan bayaran hutang (25 peratus).

Apa yang penting adalah anda perlu memperuntukkan sekurang-kurangnya 10 peratus hingga 20 peratus pendapatan untuk simpanan dan pastikan hutang tidak melebihi 30 peratus daripada pendapatan yang diterima.

Antara perkara yang boleh dilakukan adalah dengan menyediakan senarai item perbelanjaan sebelum keluar membeli-belah dan susun ikut keutamaan.

Sekiranya sudah berkeluarga, bincang bersama pasangan mengenai pembelian anda dan seeloknya buat perbandingan harga. Libatkan juga anak-anak dalam perbincangan.

Pastikan anda hanya berbelanja ke atas item yang telah disenaraikan. Sebaiknya, gunakan kad debit semasa berbelanja berbanding kad kredit.

Selepas puas beraya, anda perlu dapatkan maklumat terkini mengenai jumlah hutang terkumpul.

Semoga sambutan Syawal pada tahun ini memberi peluang kepada kita untuk mengurus perbelanjaan secara berhemah.

**PROF. MADYA DR. MOHAMAD FAZLI SABRI** Timbalan Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan Ahli Majlis Kebangsaan, Majlis Perancangan Kewangan Malaysia.